



YAPEIM

KENYATAAN MEDIA

PENGUMUMAN PELANTIKAN PENERUSI YAPEIM YANG BAHARU

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) mengumumkan pelantikan Tuan Haji Abdul Khudus bin Mohd Naaim sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM berkuatkuasa 1 Januari 2025.

Pelantikan dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar setelah memperolehi kelulusan daripada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tuan Haji Abdul Khudus, 70, ialah seorang akauntan bertauliah dan rakan kongsi firma perakaunan dan pengauditan *City Partners*. Beliau telah berkhidmat sebagai ahli LPA YAPEIM selama hampir dua tahun, iaitu sejak 20 Mac 2023.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang kewangan Islam, takaful, perakaunan dan pengauditan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Institut Audit Syariah Malaysia (2019-2024), ahli panel akreditasi, *Finance Accreditation Agency* (2012-2023) dan ahli jawatankuasa audit Majlis Agama Islam Perak Darul Ridzwan (2009-2014).

Bagi pihak ahli LPA dan warga kerja YAPEIM, saya ucapkan tahniah kepada Tuan Haji Abdul Khudus atas pelantikan ini, dengan harapan YAPEIM akan dipacu ke satu tahap yang lebih tinggi sesuai dengan aspirasi Projek Najjah yang dilancar pada tahun 2023.

Saya juga mewakili pihak ahli LPA dan warga kerja YAPEIM, mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus atas segala jasa, kepimpinan dan khidmat bakti semasa berkhidmat sebagai Pengerusi LPA YAPEIM dari 7 Oktober 2022 sehingga 31 Disember 2024.

AMEER ALI BIN VALI MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)

3 Januari 2025